

Malaysia julung kali hos mesyuarat CCFO

Oleh Nik Mohd Aznizan Nik Ibrahim

aznizan@mpob.gov.my

KOTA KINABALU: Mesyuarat 21st Session of Codex Committee on Fats and Oils (CCFO) yang julung kalinya diadakan di Malaysia berlangsung pada 16 hingga 20 Februari 2009 lalu di Kota Kinabalu, Sabah.

Sesi mesyuarat sebelum ini semuanya berlangsung di luar negara terutama di negara Eropah. Seramai 103 orang peserta dari 37 buah negara dari seluruh dunia serta sebuah pertubuhan ahli dan lima pertubuhan antarabangsa menghadiri mesyuarat itu.

CCFO adalah jawatankuasa di bawah Codex Alimentarius Commission (sebuah badan gabungan antara Food and Agriculture Organization of the United Nations, FAO dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang bertanggungjawab menyediakan piawaian, garis panduan dan saranan yang diguna pakai dalam perdagangan makanan antarabangsa.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Noraini Mohd Othman.

Ketua Pengarah MPOB, Dato' Dr Mohd Basri Wahid mengetuai de-

legasi Malaysia seramai 15 orang yang membawa mandat besar ke mesyuarat itu bagi menjaga kepentingan industri lemak dan minyak negara yang berasaskan minyak sawit.

Turut serta pada mesyuarat itu Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), MPOB, Dr Salmiah Ahmad dan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat, MPOB, Dr Kalanithi Nesaretnam dan pegawai daripada Kementerian Perusahaan Perlindungan dan Komoditi (KPPK), KKM, MPOB, Lembaga Koko Malaysia (LKM), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan SIRIM Berhad.

Antara isu yang dibincangkan di mesyuarat itu ialah deraf cadangan kriteria untuk menilai penerimaan kargo sebelum ini dalam amalan penyimpanan serta pengangkutan lemak dan minyak dalam jumlah besar.

Isu lain yang turut dibincangkan adalah cadangan deraf pindaan terhadap nama standard bagi minyak sayur, pindaan ke atas kuantiti karotin dalam minyak sawit tanpa tapis, isirung sawit, olein dan asid lemak diubah suai dalam minyak sayur.

BERITA HARIAN

7/3/09.